

# Sebaran maklumat ICT

Program Jelajah Misti beri peluang masyarakat peroleh informasi penting perkembangan sains, teknologi

varian METRO 21/05/2010 WIS 11

**K**ULAIJAYA: Ibu bapa perlu memberi sokongan dan menyediakan kemudahan teknologi maklumat (IT) bagi memastikan masyarakat celik IT, berdaya saing dan maju sejajar peredaran semasa.

Pengarah Unit Sains dan Teknologi ICT Negeri Johor (USTICT), Tunku Zahrah Tunku Osman, berkata teknologi maklumat pembaharuan penting untuk mencapai kemajuan serta memastikan masyarakat tidak ketinggalan.

Menurutnya, ibu bapa perlu memberi sokongan terhadap anak dalam memberi pendedahan mengenai IT dan pendedahan penggunaannya sebagai satu medium pembelajaran.

“Dengan teknologi hari ini segala maklumat boleh diperolehi dengan mudah dan hanya di hujung jari.

“Jadi ibu bapa perlu memberi sokongan dan menggalakkan penggunaannya di kalangan kanak-kanak bagi membolehkan mereka menambah pengetahuan,” katanya pada majlis perasmian Program Jelajah Misti dan Komuniti Broadband Johor 2010 peringkat daerah Kulaijaya di Balairaya Kampung Seri Paya di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, menyedari betapa pentingnya penggunaan IT, kerajaan negeri menerusi USTICT mengambil inisiatif menganjurkan Minggu Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor (Misti) bagi memberi pendedahan kepada pelbagai lapisan masyarakat perkembangan terkini bidang berkenaan.

“Objektif utama program ini untuk menyampaikan maklumat mengenai penting serta perkembangan sains dan teknologi sekarang ini.

“Saya berharap melalui program seumpama ini, ia dapat memberi pendedahan kepada rakyat terutama penduduk kampung mengenai kelebihan dan kebaikan penggunaan IT,” katanya.

Menurutnya, program jelajah kali pertama ini diadakan di Kulaijaya sempena acara kemuncak Misti Johor pada 22 hingga 27 Jun di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor (Persada).

Katanya, Misti Johor antara program terbesar dianjurkan kerajaan negeri secara dwitahunan sejak 2005 bertujuan memberi pendedahan dan peluang perniagaan kepada rakyat.



**KHUSYUK...**penduduk Kulaijaya mendengar penerangan mengenai Program Jelajah Misti dan Komuniti Broadband Johor 2010.